



Kertas 1

Bahagian A) Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tunku Ibrahim Ismail ibni Tunku Mahmud Iskandar _____ di Istana Bukit Serene semenjak pertabalan baginda sebagai Sultan Johor.
A beradu
B bertitah
C berangkat
D bersemayam
- 2 Walaupun sudah sembuh tetapi Aziz Daniel _____ belum dapat berjalan dengan betul.
A akan
B mesti
C masih
D hendak

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

3. Dia mengamanah rumah peninggalan
 orang tuanya di kampung kepada bapa
 saudaranya. Tiada kesalahan.

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Bandar itu telah *jatuh* ke tangan pihak musuh.
II Zarul *jatuh* terduduk kerana terpijak kulit pisang.
III Buah yang ranum itu *jatuh* ke tanah apabila ditiup angin.
IV Banyak rumah yang *jatuh* akibat angin puting beliung.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Ada gula ada semut

- 5 Peribahasa di atas membawa maksud
- A suka menangguhkan masa untuk melakukan sesuatu.
 - B mengalami kerugian atau kemalangan yang bertimpa-timpa.
 - C orang miskin yang perlu sentiasa bekerja untuk menyara hidup.
 - D apabila sesuatu tempat itu mudah mendapat kesenangan di situlah ramai orang berkumpul.